

# Program Rakan Muda kurangkan gejala lepak

KEMENTERIAN Belia dan Sukan mendapati program Rakan Muda masih memenuhi cita rasa dan kehendak remaja serta relevan bagi mengurangkan gejala lepak di kalangan golongan itu.

Setiausaha Parlimen kementerian, M Vigneswaran, berkata kajian mengenai program itu dijalankan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 2002.

Beliau berkata, kementerian sentiasa mengkaji pelbagai perkara bagi menarik golongan remaja menyertai program itu dengan memperkenalkan beberapa program baru seperti futsal, sukan bermotor dan rekreasi udara.

"Sehingga tahun lalu, statistik mengenai penyertaan belia dalam rakan muda adalah seramai 4.5 juta dengan 350,630 program aktiviti dijalankan sekali gus membuktikan program ini mendapat sambutan baik.

"Program Rakan Muda adalah antara pendekatan yang dijalankan kementerian bagi menarik perhatian remaja yang tidak menyertai sebarang persatuan," katanya ketika menjawab soalan Ismail Noh (Pas -Pasir Mas) di sini, semalam.

Beliau berkata, kementerian juga tidak bercadang menubuhkan Jabatan Rakan Muda tetapi menaikkan struktur bahagian itu dengan menyusun semula organisasinya meliputi pertambahan jawatan.

Ketika ini lebih 5 juta remaja tidak menyertai sebarang persatuan berbanding seramai 2.8 juta yang menyertai beberapa persatuan yang ditubuhkan di negara ini.

(25)